

02 NOV 2003

Samy-India

BELIA INDIA SUDAH MOHON MASUK PUSAT GIAT MARA

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Sebanyak 230 belia India telah mengemukakan permohonan untuk mengikuti kursus di Pusat Giat Mara (PGM) dan Kolej Komuniti (KK) pada tahun depan.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata tempat kemasukan yang disediakan kepada belia India berjumlah 645.

Peruntukan khas untuk belia India itu diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa pembentangan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), Khamis lepas.

Samy Vellu berkata MIC berpuas hati dengan usaha kerajaan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat India.

"Sebelum laporan (kajian separuh penggal) RMK8 dibuat, MIC telah mengemukakan maklumat-balasnya kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri. Dan semua perkara yang dibangkitkan telah diambil-kira," katanya kepada pemberita pada jamuan tengah hari Yayasan Strategik Sosial (YSS) di sini, hari ini.

Beliau berkata laporan itu turut menunjukkan pendapatan per kapita kaum India meningkat 4.1 peratus kepada RM3,044 pada 2003 berbanding RM2,702 pada 2000.

Menurut Samy Vellu, laporan itu menyebut pemilikan ekuiti kaum India akan ditingkatkan daripada 1.5 peratus kepada tiga peratus menjelang 2010 melalui pembukaan peluang perniagaan dan bantuan yang disediakan kerajaan.

"Pihak Kerajaan sedang melakukan banyak perkara untuk masyarakat India tetapi ia bukan sesuatu yang boleh dicapai dalam masa dua minggu tetapi bertahun-tahun," kata beliau.

Pada perkembangan lain, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau telah meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menyediakan laporan mengenai kerosakan jalan raya akibat banjir di Pulau Pinang dan Kedah baru-baru ini.

Beliau berkata JKR juga diarah mengemukakan laporan mengenai kejadian di Puchong semalam apabila sebuah jambatan konkrit runtuh dihanyutkan air deras. Jambatan itu baru siap dibina dua bulan lepas.

-- BERNAMA

MOT MUN MOZ